

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Buangan toksik dan berbahaya boleh menyebabkan kesan yang buruk kepada alam sekitar dan manusia.
- 1.2. Buangan ini dihasilkan sama ada daripada industri, servis (seperti bengkel/ woksyp atau hospital), rumah dan sebagainya.
- 1.3. Di Malaysia, buangan toksik dan berbahaya dikenali sebagai buangan terjadual.

2. UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA YANG MENGAWAL BUANGAN TERJADUAL

- 2.1. Buangan terjadual adalah dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.
- 2.2. Buangan terjadual erfinya apa-apa buangan yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.
- 2.3. Di bawah Peraturan ini, buangan terjadual hendaklah diuruskan dengan baik bagi mengelakkan bahaya kepada alam sekitar dan manusia.

3. BUANGAN TERJADUAL DARIPADA BENGKEL/ WOKSYOP

- 3.1. Bengkel kenderaan (woksyop) adalah industri servis yang menghasilkan buangan terjadual semasa kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan kenderaan dibuat di premis bengkel.
- 3.2. Pemilik bengkel/ woksyop yang menghasilkan buangan terjadual adalah dikenali sebagai "**pengeluar buangan**".
- 3.3. Buangan toksik dan berbahaya (buangan terjadual) yang terhasil daripada aktiviti-aktiviti bengkel / woksyop adalah:-



- ⊕ **Kod buangan terjadual: SW 102**
- ⊕ **SW102: Buangan bateri asid plumbum dalam bentuk sempurna atau hancur**



☩ Kod buangan terjadual
SW103

☩ SW103:Buangan bateri yang mengandungi kadmium dan nikel atau raksa atau litium



☩ Kod buangan terjadual: SW110

☩ SW110 buangan daripada pemasangan elektrik dan elektronik yang mengandungi



komponen seperti akumulator, suis raksa, kaca daripada tiub sinar katod dan kaca teraktif atau kapasitor bifenil terpoliklorin yang lain, atau yang dicemari dengan kadmium, raksa, plumbum, nikel, kromium, kuprum, litium, perak, mangan atau bifenil terpoliklorin





✚ Kod buangan
terjadual: SW305

✚ SW305 : Minyak
pelincir terpakai



✚ Kod buangan
terjadual: SW306

✚ SW306 : Minyak
hidraulik terpakai



✚ Kod buangan
terjadual: SW307

✚ SW307: Emulsi
minyak mineral-air
terpakai



✚ Kod buangan
terjadual: SW311

✚ SW311: Buangan
minyak atau enap
cemar berminyak



✚ Kod buangan
terjadual: SW312

✚ SW312: Sisa
berminyak dari
bengkel automotif,
stesen servis
minyak atau
perangkap gris



✚ Kod buangan
terjadual: SW327

✚ SW327 : Buangan
cecair terma
(pemindahan
haba) seperti glikol
etilena (coolant
radiator)



⊕ Kod buangan
terjadual: SW409

⊕ SW409 : Bekas, beg
atau kelengkapan
yang dilupuskan
yang dicemari
dengan bahan
kimia, minyak
mineral atau
buangan terjadual



⊕ Kod buangan
terjadual: SW410

⊕ SW410 : Kain buruk,
plastik, kertas atau
turas yang dicemari
dengan buangan
terjadual



⊕ Kod buangan
terjadual: SW417

⊕ Buangan dakwat, cat,
pigmen, lakuer,
pewarna atau varnis




⊕ Kod buangan
terjadual: SW418

⊕ SW 418 Produk dakwat,
cat, pigmen, lakuer,
pewarna atau varnis
yang terbuang atau
yang tidak mengikut
spesifikasi yang
mengandungi pelarut
organik

4. TANGGUNGJAWAB PENGELUAR BUANGAN (PEMILIK BENGKEL/WOKSYOP)



5. CARTA ALIR PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL DI BENGKEL/WOKSYOP



PEMILIK BENGKEL PERLU:

Memberitahu tentang pengeluaran buangan terjadual kepada Jabatan Alam Sekitar alam masa 30 hari dari tarikh pengeluaran buangan terjadual



BORANG PEMBERITAHUAN

***Diisi sekali sahaja bagi setiap kod buangan terjadual kecuali terdapat kod baru atau pertambahan kapasiti pengeluaran bagi kod sedia ada.**

PEMBERITAHUAN BUANGAN TERJADUAL
(Dua salinan perlu diisi)

Untuk kegunaan pejabat sahaja

No. Rujukan Fail:

Kod Pengeluar Buangan:

Kod Negeri:

1. PENGENALAN

(i) Nama dan Alamat Premis:

.....
.....
.....
.....

No. Tel.: No. Faks: No. Teleks:
.....

(ii) Tuan Punya Premis:

.....

Jawatan:

.....

2. DATA PENGELUARAN

Senarai bahan mentah/kimia dan kuantiti yang digunakan setiap bulan*

Bahan-bahan Mentah/Kimia	Kuantiti (Tan Metrik)

3. DATA BUANGAN

Buangan terjadual yang dikeluarkan setiapbulan**

Kod Kategori Buangan	Punca Buangan ¹	Nama Buangan	Komponen Buangan ²	Kuantiti (Tan Metrik/Bulan)

Nota:

¹ Unit Operasi dalam setiap proses/loji

² Namakan elemen-elemen, sebatian atau bahan

³ Panduan untuk pertukaran (hanya data dalam tan metrik/bulan sahaja boleh diterima)

* Gunakan lampiran tambahan jika perlu

** Anggaran

Saya mengaku bahawa maklumat yang diberikan adalah benar dan betul sepanjang pengetahuan saya.

.....
Tandatangan Pegawai Pelapor ***

Nama:
Jawatan:
Tarikh:

Nota:

*** Pegawai pelapor ialah orang yang mengendalikan buangan terjadual.



**PEMILIK
HENDAKLAH:**

BENGKEL

Menyimpan **inventori** yang tepat dan kemas kini mengenai kategori dan kuantiti buangan terjadual yang dihasilkan.. bagi suatu tempoh sehingga tiga tahun dari tarikh buangan terjadual itu dikeluarkan.

BORANG INVENTORI

Rekod inventori perlu disediakan bagi merekod serta mengawal keluar masuk buangan terjadual

INVENTORI BUANGAN TERJADUAL
SETAKAT:

* ^a Tarikh	*Kod Kategori Buangan	*Nama Buangan	*Kuantiti Dikeluar kan (Tan Metrik)	*Pengendalian Buangan		
				Kaedah ^b	Kuantiti Mengikut Tan Metrik	Tempat ^c

Nota:

* Inventori mengenai pengeluaran buangan terjadualsemasa

^a Tarikh bila buangan terjadual dikeluarkan buat kali pertama

^b Distor, diproses, diperoleh kembali bahan atau hasil daripada buangan terjadual itu, dibakar, ditukarkan atau kaedah-kaedah lain (nyatakan)

^c Berikan nama dan alamat kemudahan

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam borang ini berkenaan dengan semua perkara adalah benar dan betul sepanjang pengetahuan saya.

Nama Pegawai Pelapor:

Jawatan:

Tandatangan: Tarikh:

No. Kad Pengenalan:



PEMILIK BENGKEL PERLU:

Menyimpan buangan terjadual dengan baik-**tempat sesuai ,bekas sesuai dan kukuh, dilabel dengan jelas.**

Tidak lebih 180 hari atau 20 tan metrik yang mana

- Buangan terjadual hendaklah **dihantar dan diterima dengan selamat di premis yang ditetapkan bagi tujuan pengolahan, pemerolehan kembali dan pelupusan**
- Buangan terjadual hendaklah **dibungkus, dilabel dan diangkut mengikut garispanduan yang ditetapkan.**

6. PEMBUNGKUSAN BUANGAN TERJADUAL:

6.1. Buangan terjadual hendaklah dibungkus/disimpan di dalam bekas-bekas yang mempunyai ciri-ciri berikut:-



7. JENIS-JENIS BEKAS PENSTORAN BUANGAN TERJADUAL



**Open Top Drum
(Plastic/Steel)**



**Bunghole
(Plastic/Steel)**



**PP Bag 1 tone / jumbo
bag**



**Intermediate Bulk
Container (IBC) Tank**







8. PENSTORAN BUANGAN TERJADUAL

- 8.1. Hendaklah distor di dalam **bekas yang sesuai dan diletakkan di kawasan khas yang selamat.**
- 8.2. Distor **tidak melebihi 180 hari dan / atau kuantiti kumulatif tidak melebihi 20 tan metrik, yang mana mendahului.**










JANGAN simpan **buangan minyak** berdekatan dengan **racun makhluk perosak, asid atau alkali**.

Boleh menyebabkan **pelepasan bahan toksik** sekiranya berlaku kebakaran atau letupan.



9. PELABELAN BUANGAN TERJADUAL

- 9.1. Tarikh bila buangan terjadual dikeluarkan buat kali pertama, nama, alamat dan nombor telefon pengeluar buangan hendaklah dilabelkan dengan jelas atas bekas-bekas yang digunakan untuk menstorkan buangan terjadual itu.
- 9.2. Bekas-bekas buangan terjadual hendaklah dilabelkan dengan jelas mengikut jenis yang terpakai baginya sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang bagi maksud pengenalan dan amaran.
- 9.3. Spesifikasi label buangan terjadual.



Label hendaklah dalam bentuk **empat segi tepat diletakkan pada sudut 45 darjah**. Dimensi label tidak boleh kurang daripada **10 cm X 10 cm** kecuali jika saiz bekas atau bungkusan memerlukan label yang saiznya lebih kecil

- 9.4. Label-label bolehlah daripada jenis-jenis yang berikut:
- a) pelekat;
 - b) kepingan-kepingan logam; atau
 - c) distensilkan atau dicetak di atas bekas atau bungkusan.
- 9.5. Semua label hendaklah boleh tahan kepada cuaca terbuka.
- 9.6. Dalam hal buangan yang boleh menyebabkan dua atau lebih bahaya, segala bahaya itu hendaklah dikenal pasti dengan jelas dan buangan itu hendaklah dilabelkan dengan sewajarnya.
- 9.7. Tiada seorang pun dibenarkan untuk mengubah tanda dan label tersebut.





KOD BUANGAN	:	
NAMA BUANGAN	:	
TARIKH DIHASILKAN	:	
NAMA PENGELUAR	:	

Logo berdasarkan Jadual Ketiga (Peraturan 10) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005

Kod buangan berdasarkan Jadual Pertama, (Peraturan 2), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005

Tarikh kali pertama buangan dihasilkan

Nama buangan yang dihasilkan

Nama pengeluar / bengkel / syarikat yang menghasilkan buangan




**BAHAN LETUPAN
(BUANGAN)**

Simbol (bom meletup) :
hitam; Latar belakang :
jingga lembut



**CECAIR MUDAH
TERBAKAR
(BUANGAN)**

Simbol (api); hitam
atau putih; Latar
belakang; merah




**PEPEJAL MUDAH
TERBAKAR (BUANGAN)**

Simbol (api): hitam;
Latar belakang: putih
dengan jalur-jalur
merah menegak



**PEPEJAL : BOLEH
TERBAKAR SECARA
SPONTAN (BUANGAN)**

Bahan-bahan boleh
terbakar secara spontan
Simbol (api): hitam;
Latar belakang:
bahagian atas putih,
bahagian bawah merah



**PEPEJAL : BERBAHAYA
APABILA BASAH
(BUANGAN)**

Bahan-bahan yang, jika
bersentuh dengan air,
mengeluarkan gas-gas
yang mudah terbakar
Simbol (api): hitam atau
putih; Latar belakang; biru



**BAHAN BERJANGKIT
(BUANGAN)**

Simbol (tiga bulan sabit
disusun menindih di atas
bulatan): hitam
Latar belakang : putih



**PEROKSIDA
ORGANIK
(BUANGAN)**

Simbol (api di atas bulatan): hitam;
Latar belakang : kuning




**BAHAN TOKSIK
(BUANGAN)**

Bahan-bahan beracun (toksik)
Simbol (tengkorak di atas dua tulang yang bersilang): hitam;
Latar belakang : putih




**BAHAN BERJANGKIT
(BUANGAN)**

Simbol (tiga bulan sabit disusun menindih di atas bulatan): hitam
Latar belakang : putih



**BAHAN MENGAKIS
(BUANGAN)**

Simbol (cecair tertumpah dari dua bekas kaca dan mengenai tangan dan logam); hitam
Latar belakang :
bahagian atas putih, bahagian bawah hitam



**CAMPURAN
PELBAGAI BAHAN
BERBAHAYA
(BUANGAN)**

Simbol (nil);
Latar Belakang: putih dengan bahagian atas jalur-jalur hitam menegak





JADUAL KELIMA
(Pelesenan 11)

AKTA KUALITI ALAM SEKBELILING 1974

PERATURAN PERATURAN KUALITI ALAM SEKBELILING
(BUANGAN TERJADUAL) 2005

INVENTORI BUANGAN TERJADUAL
SETAKAT:

* Tarikh	*Kod Kategori Buangan	*Nama Buangan	*Kuantiti Dikeluarkan (Tan/Metri)	*Pergerakan Buangan		
				Kandak*	Kuantiti Mengikut Tan Metrik	Tempat*

Nota:

- a) Inventori mengenai pengeluaran buangan terjadual semasa
- b) Tarikh bila buangan terjadual dikeluarkan buat kali pertama
- c) Eksport, diproses, diperolehi kembali bahan atau hasil daripada buangan terjadual itu, dibakar, ditukarkan atau kegunaan-kedua lain (nyatakan)
- d) Berikan nama dan alamat kemudahan

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam bocang ini bertepatan dengan semua perkara adalah benar dan betul sepanjang pengetahuan saya.

Nama Pegawai Pelapor:

Jawatan:

Tandatangan:

No. Kad Pengemalan:

Tarikh:

Pengeluar buangan hendaklah menyimpan inventori buangan terjadual

Seseorang pengeluar buangan hendaklah menyimpan inventori yang tepat dan kemas kini mengikut Jadual Kelima mengenai kategori dan kuantiti buangan terjadual yang dikeluarkan, diolah, dilupuskan dan mengenai bahan atau hasil yang diperolehi kembali daripada buangan terjadual itu bagi suatu tempoh sehingga tiga tahun dari tarikh buangan terjadual itu dikeluarkan.



KEDAI KRUMA
(Peraturan 11)
AKTA KUALITI ALAM SEKELINDU 1974
Pantanan-Pantanan Kuala Alim Sebeling
(Daungan Tujohak) 2005
INVENTORI BUANGAN TERADJUAL
SR. 4. 2018

Tarikh	Kod Kategori Buangan	Nama Buangan	Kuantiti Diberikan (Tan Merah)	Pengendalian Buangan		
				Kandah	Kuantiti Mengikut Tan Merah	Tempat
4. 6. 2018	Da 305	Asyarak Tempohai	0.400 ton	Ditipu	0.400 ton	Dip. SAC Mergapp.
5. 6. 2018	Da 305	Minyak Tempohai	0.010 ton	Ditipu	0.010 ton	Dip. SAC Mergapp.
20. 6. 2018	Da 305	Minyak Tempohai	0.030 ton	Ditipu	0.040 ton	Dip. SAC Mergapp.
26. 6. 2018	Da 305	Minyak Tempohai	-	Ditipu ke Petruk yang ditolak	0.040 ton	Dip. SAC Mergapp.

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam borang ini benar-benar dengan semua perkara adalah benar dan betul sepanjang pengetahuan saya.

Nama Pegawai Pelapor: Abd. Razak
Jawatan: Pengawal Keselamatan

Tandatangan: [Signature]
Tarikh: 27/6/2018
No. Kad Pengiraan: 78945 - 09 - 3456

1. Tarikh buangan dihasilkan dari aktiviti yang dijalankan dinyatakan dalam ruangan tarikh.
2. Kod kategori buangan dinyatakan
3. Nama buangan dinyatakan
4. Kuantiti dihasilkan daripada aktiviti dinyatakan
5. Kaedah pengurusan buangan dinyatakan.
6. Kuantiti yang diurus dinyatakan. Kuantiti perlu dijumlahkan dengan kuantiti sedia ada di stor.
7. Menyatakan tempat dimana buangan berada.



017 - 2857014 - 14/12/19

JAWAH KELIMA
(Peringkat II)

AKTA KUALITI ALAM SEKITAR (AKAS)
Rencana-Pemantauan Kualiti Alam Sekeliling (RPAK) (Buangan Terjejak) 2005

INVENTORI BUANGAN TERJEJAK
BETAKAT

4,411.00
+ 200
500

Tarikh	Kod Kategori Buangan	Nama Buangan	Kuantiti Dihasilkan (Tons/Week)	Pengendalian Buangan		
				Kaedah	Kuantiti Mengalir (Tons/Week)	Tujuan
01.01.2019	01.01.01	Air paip Pembekal	0.001 ton	ditir	0.001 ton	Dibuang
01.01.2019	01.01.01	Air paip Pembekal	0.001 ton	ditir	0.001 ton	ditir ke suar
01.01.2019				ditir	0.001 ton	ditir ke suar

Saya sebagai individu atau maklum yang diberikan dalam bentuk ini beritahu bahawa saya
sangat perlaku adalah benar dan betul mengenai pengisian saya

Nama Pegawai/Pejabat: JAWAH KELIMA
Jawatan:

Tandatangan:

Tarikh:

No. Kad Pengiraan:

1. Inventori yang kotor, tidak terus dan tidak direkodkan sebenar-benarnya.
2. Kod kategori buangan tidak dinyatakan
3. Nama buangan tidak dinyatakan
4. Kuantiti dihasilkan daripada aktiviti tidak seragam dinyatakan
5. Kaedah pengurusan buangan tidak dinyatakan.
6. Ruangan perakuan tidak lengkap, bukan orang yang diiktiraf.

10. MAKLUMAT HENDAKLAH DIBERIKAN OLEH PENGELUAR BUANGAN, KONTRAKTOR DAN PENDUDUK PREMIS YANG DITETAPKAN


10.1. Maklumat buangan terjadual yang lengkap perlu disediakan mengikut Jadual Keenam oleh pengeluar buangan, kontraktor dan penerima buangan.

10.2. Pengeluar buangan dikehendaki mengemukakan maklumat buangan dalam tempoh 30 hari dari tarikh buangan diangkat keluar dari premis.

10.3. Penerima buangan dikehendaki mengemukakan maklumat buangan yang diterima dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan.

 	<p>Sistem eSWIS</p> <p>Merangkumi maklumat berkaitan dengan pengurusan Buangan Terjadual</p> <ol style="list-style-type: none">1. Maklumat Pendaftaran oleh Pengeluar Buangan2. Jadual Ke 2—Pemberitahuan Buangan3. Terjadual4. Jadual Ke 5—Inventori Buangan Terjadual5. Jadual Ke 6—Nota konsainan bagi buangan terjadual
------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Pengurusan Maklumat Buangan Terjadual



11. WASTE CARD

11.1. Pengangkutan buangan terjadual mesti disertai maklumat berkenaan buangan terjadual yang dibawa. Pengeluar buangan dikehendaki menyediakan maklumat buangan mengikut Jadual Ketujuh kepada kontraktor bersama-sama buangan.

A. Properties	Guidelines for BOMBA		Response Guide, Primary: No. 16.			
1. Category of Waste (First Schedule)	SW 322 – Waste of non-halogenated organic solvents.					
2. Waste Origin	From washing, cleaning or degreasing processes. Including toluene, xylene, turpentine and kerosene					
3. Physical Properties of Waste	Flash Point Degree Celsius	Boiling Point Degree Celsius	Physical Appearance (30°C)	Vapours lighter/heavier than Air	Solubility in Water	Waste lighter/heavier than Water
	<23°C	<100°C	Liquid	Heavier	Unsoluble	Lighter
4. Risks; By Inhalation, By Oral Intake, By Dermal Contact	HIGHLY INFLAMMABLE. INHALATION of the vapours may cause dizziness, headache, nausea, vomiting, apathy and unconsciousness. By ORAL intake, the waste will cause the same symptoms as by inhalation. By DERMAL contact, the waste will cause blushing and stings. If the waste catch fire, toxic smoke may be produced.					

12. PERTUMPAHAN ATAU PELEPASAN TIDAK SENGAJA

12.1. Dalam sesuatu kejadian tumpahan atau pelepasan tidak sengaja buangan, kontraktor bertanggung jawab untuk memaklumkan pihak berkuasa, menjalankan kerja-kerja pembersihan dan menjalankan kajian impak akibat kejadian tersebut.

12.2. Pengeluar buangan perlu membantu dengan menyediakan kepakaran





13. MENYEDIAKAN LATIHAN

13.1. Latihan perlu diadakan oleh pengeluar buangan kepada pekerja-pekerja yang terlibat dengan pengurusan buangan terjadual.



RUJUKAN

1. Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Pindaan 2012)
2. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) (2005)
3. *Guidelines for Packaging, Labelling and Storage of Scheduled Wastes In Malaysia, Department of Environment, 2013*
4. *Module 4: Process Of Identification, Classification And Categorisation Of Toxic, Hazardous And Scheduled Wastes, Course On Identification, Characterisation And Classification Of Scheduled Wastes, Environment Institute of Malaysia, Department of Environment*

JABATAN ALAM SEKITAR

1. JABATANALAM SEKITAR (IBU PEJABAT)
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
ARAS 1-4, PODIUM 3, WISMA SUMBER ASLI
NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62574 PUTRAJAYA
2. JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR
WISMA ALAM SEKITAR
NO. 46, JALAN PERTAMA, TOWER 2
PUSAT PERDAGANGAN DANGA UTAMA
81300 JOHOR BAHRU
3. JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI KEDAH
ARAS 2, MENARA ZAKAT
JALAN TELOK WAN JAH
05200 ALOR SETAR
4. JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI KELANTAN
LOT 322 - 324, SEKSYEN 27
JALAN SRI CEMERLANG
15300 KOTA BHARU
5. JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA
ARAS 19 MENARA PERSEKUTUAN
JALAN PERSEKUTUAN
BANDAR MITC HANG TUAH JAYA
75450 AYER KEROH

6. JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN
TINGKAT 5, ARAB MALAYSIAN BUSINESS CENTRE
JALAN PASAR
70200 SEREMBAN

7. JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PAHANG
ARAS 1, KOMPLEKS MAHKAMAH KUANTAN
BANDAR INDERA MAHKOTA
25200 KUANTAN

8. JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK
TINGKAT 7 & 9, BANGUNAN SERI KINTA
JALAN SULTAN IDRIS SHAH
30000 IPOH

9. JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERLIS
TINGKAT 2, BANGUNAN KWSP
JALAN BUKIT LAGI
01000 KANGAR

10. JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PULAU PINANG
ARAS BAWAH – ZON B
WISMA PERSEKUTUAN
SEBERANG PERAI UTARA
13200 KEPALA BATAS

11. JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH
ARAS 4, BLOK A KOMPLEKS PENTADBIRAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN SABAH
JALAN UMS-SULAMAN, LIKAS
88450 KOTA KINABALU

12. JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK
TINGKAT 7-9, WISMA STA NO. 26,
JALAN DATUK ABANG ABDUL RAHIM
93450 KUCHING

13. JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR
TINGKAT 12, 13, & 14 SUNWAYMAS
JALAN TENGGU AMPUAN ZABEDAH C 9/C
SEKSYEN 9
40100 SHAH ALAM

14. JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI TERENGGANU
WISMA ALAM SEKITAR
OFF JALAN SULTAN OMAR
20300 KUALA TERENGGANU

15. JABATAN ALAM SEKITAR KUALA LUMPUR
DEPARTMENT OF ENVIRONMENT
TINGKAT 1 & 2, WISMA SCA
NO.3 BATU 2, JALAN SUNGAI BESI
57100 KUALA LUMPUR

16. JABATAN ALAM SEKITAR LABUAN
TINGKAT 4, BLOK 4, KOMPLEKS UJANA KEWANGAN
87007 LABUAN

17. INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA
BEG BERKUNCI NO. 24, KAMPUS UKM
43600 UKM BANGI

NOTA

NOTA

NOTA

NOTA